

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan tentang dakwaan seorang ahli akademi sejarah dari Universiti Malaysia yang berkata bahawa buku teks Sejarah Tingkatan Dua tidak memaparkan (*downplayed*) pengaruh Hindu-Buddha dalam Kerajaan awal Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan buku teks oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berpandukan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Fakta sejarah yang terkandung dalam buku teks Sejarah telah melalui proses penelitian, semakan dan pengesahan oleh Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah yang melibatkan tokoh akademik daripada pelbagai kepakaran dalam bidang ilmu sejarah sama ada sejarah negara mahupun sejarah negara luar.

Penulisan buku teks Sejarah Tingkatan 2 adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah Tingkatan 2. Kandungan DSKP yang terlibat adalah pada tema

Warisan Negara. Tema Penulisan buku teks ini adalah tentang Kerajaan-kerajaan Awal, maka penulisan menjurus kepada Kerajaan-kerajaan Awal dan bukan berfokus tentang perkembangan pengaruh Hindu-Buddha. Walau bagaimanapun, pengaruh Hindu-Buddha telah disentuh pada perbincangan Bab 1 hingga Bab 4 dan Bab 10. Penulisan ini adalah sesuai dengan tahap murid tingkatan 2 dan telah disahkan faktanya oleh panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah KPM serta Panel Kawalan Mutu KPM dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maka, dakwaan ahli akademik berkenaan tidak benar kerana perkara tersebut tidak terdapat dalam DSKP Sejarah Tingkatan 2.